UNIT 11: KERAJINAN AMALAN KELUARGAKU

/10

▶ 11.1: **Mengamalkan Sikap Rajin dalam Keluarga**

Standard Pembelajaran: 11.1.4 Melaksanakan tugas dengan rajin dalam keluarga

B5D10E1 Boleh mengamalkan sikap rajin dalam keluarga dengan terpuji

F Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul.

KBKK Menilai dan membuat keputusan

berputus asa | sedih | membaca | rajin | memberitahu | ternampak | berlumba | berusaha | berjaya | memuji

Siti kecewa dengan diri sendiri kerana dia masih belum dapat membaca sifir Matematik dengan betul. Siti berasa sangat (1) _____.

Apabila tiba di rumah, Siti (2) _____ ibunya tentang masalah yang dihadapinya. Ibu Siti menasihati Siti agar (3) _____ dengan lebih tekun lagi dan jangan mudah (4) _____.

Siti cuba menghafal sifir di belakang rumahnya. Tiba-tiba dia (5) _____ seekor siput sedang merayap menaiki pokok pisang. Timbul perasaan di hati Siti untuk (6) _____ dengan siput itu. Dia menghafal sifir sementara siput itu sampai ke puncak pokok pisang, Siti akhirnya (7) _____ menghafal sifir itu.

Di sekolah, Siti (8) _____ sifir dengan betul. Siti pun menceritakan kisahnya bertanding dengan siput itu kepada Cikgu Sabariah. Cikgu Sabariah (9) _____ sikap Siti yang (10) _____ itu.

LIVEWORKSHEETS